



## PEPERIKSAAN AKHIR

**KURSUS : USUL FIQH**

**KOD KURSUS : MIF1023**

**TEMPOH : 02 JAM**

### **ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :  
: BAHAGIAN A (10 soalan)  
: BAHAGIAN B (15 soalan)  
: BAHAGIAN C (03 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.  
i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
  - i. Kertas Peperiksaan
  - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

**NO. MYKAD :** \_\_\_\_\_

**NO. ID :** \_\_\_\_\_

**PENSYARAH :** \_\_\_\_\_

**SEKSYEN :** \_\_\_\_\_

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*Kertas soalan ini mengandungi 07 muka surat bercetak*

MAC2024/C/MIF1023

**BAHAGIAN A: SOALAN BENAR ATAU SALAH**

Nyatakan sama ada pernyataan di bawah BENAR atau SALAH.

1. **(1 point)**

'Uruf dan Istishab adalah dalil Zanni.

2. **(1 point)**

Al-Quran ialah mukjizat kepada para Rasul.

3. **(1 point)**

Ibadat dan Muamalat adalah hukum berkaitan dengan amalan (perbuatan).

4. **(1 point)**

Wanita dalam haid harus membaca al-Quran berdasarkan Istihsan.

5. **(1 point)**

Menunaikan Solat Jumaat dengan bilangan lima belas orang adalah sah ketika musim banjir.

6. **(1 point)**

Lafaz al-Muqayyad ialah lafaz yang menunjukkan maksud yang tidak tertentu.

7. **(1 point)**

Al-Nahyu dari sudut bahasa bererti suruhan.

8. **(1 point)**

Pendidikan, kemajuan teknologi dan etika kerja merujuk kepada menjaga harta.

9. **(1 point)**

Tahsiniyyah ialah maslahah yang diperlukan sebagai kesempurnaan untuk menjaga kehormatan hidup manusia.

10. **(1 point)**

Qiyas boleh untuk menasakhkan qiyas yang lain.

**BAHAGIAN B: SOALAN ANEKA PILIHAN**

Jawab SEMUA soalan.

**1. (1 point)**

Manakah antara berikut **BUKAN** dalil *Qat'i*?.

- A. Al-Quran.
- B. As-Sunnah.
- C. *Al-Rukhsah*.
- D. *Al-Qiyas*.

**2. (1 point)**

Pilih pernyataan yang **BENAR** berkaitan dengan bahagian-bahagian sunat.

- A. Sisa.
- B. Baki.
- C. *Zawa'id*.
- D. Perjalanan.

**3. (1 point)**

Apakah hukum bagi perbuatan mengurangkan timbangan dalam perniagaan demi mendapatkan keuntungan yang banyak?

- A. Wajib.
- B. Makruh.
- C. Haram.
- D. Harus.

**4. (1 point)**

Perbuatan mewajibkan mengambil suntikan vaksin COVID-19 sebelum ini diputuskan oleh \_\_\_\_\_.

- A. *ijmak ahli bait*
- B. *ijmak sahabat*
- C. *ijmak ulamak*
- D. *ijmak ahli madinah*

5. **(1 point)**

Manakah antara berikut merupakan rukun *Qiyas*?

- i. Asal.
  - ii. Hukum asal.
  - iii. Akibat.
  - iv. '*Illah*.
- A. i dan ii.
  - B. ii dan iii.
  - C. i, ii dan iii.
  - D. i, ii dan iv.

6. **(1 point)**

"Maksud sabda Nabi SAW : Ulamak adalah pewaris kepada para Nabi"

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1 di atas, manakah antara berikut merupakan mazhab-mazhab utama yang dilahirkan?

- i. Mazhab Syafie'
  - ii. Mazhab Maliki
  - iii. Mazhab Hanafi
  - iv. Mazhab Wahabi
- A. i dan ii.
  - B. ii dan iii.
  - C. i, ii dan iii.
  - D. i, ii dan iv.

7. **(1 point)**

Apakah '*uruf* yang diguna pakai jika jual beli dilaksanakan dengan unjuk mengunjuk tanpa lafaz *ijab* dan *qabul*?

- A. '*Uruf* perbuatan
- B. '*Uruf* am
- C. '*Uruf* perkataan
- D. '*Uruf* khas

8. **(1 point)**

Berikut merupakan contoh bagi lafaz *al-'Am KECUALI* \_\_\_\_\_.

- A. sesiapa dan semua
- B. insan
- C. kediaman
- D. Ali bin Abu

9. **(1 point)**

Manakah antara berikut **BENAR** mengenai lafaz *Mutlak*?

- i. Lafaz yang menunjukkan pengertian tidak terbatas dan luas.
  - ii. Lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu makna atau menunjukkan beberapa makna secara menyeluruh.
  - iii. Lafaz yang menunjukkan pengertian terbatas dan terhad.
  - iv. Lafaz yang menunjukkan makna khusus.
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. i, ii dan iv
  - D. ii, iii dan iv

10. **(1 point)**

Kerajaan mesti mengadakan undang-undang jalan raya untuk menjaga maslahat utama iaitu \_\_\_\_\_.

- A. agama
- B. keturunan
- C. nyawa
- D. harta

11. **(1 point)**

Islam mengharamkan segala perbuatan zina dan perkara yang membawa kepadanya, menjelaskan bahawa Islam sangat menjaga \_\_\_\_\_.

- A. agama
- B. keturunan
- C. nyawa
- D. harta

12. **(1 point)**

Dalam *Maqasid al-Syariah*, dibincangkan tentang *Darurat al-Khamsah*. Contoh berikut yang menunjukkan *Darurat al-Khamsah* yang berkaitan dengan menjaga nyawa ialah \_\_\_\_\_.

- A. diharamkan berzina
- B. diharamkan minum arak
- C. diharamkan membunuh diri
- D. diharamkan ponteng sekolah

**13. (1 point)**

Larangan berlakunya situasi sentuhan lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah termasuk di dalam kategori menjaga \_\_\_\_\_.

- A. nyawa
- B. akal
- C. harta
- D. keturunan

**14. (1 point)**

*Al-Nasakh* mestilah dengan memenuhi syarat tertentu, iaitu \_\_\_\_\_.

- i. Hukum yang dinasakhkan itu adalah hukum syarak yang bukan ditetapkan atau bukan telah diwajibkan kerana zatnya.
  - ii. Cara *al-Nasakh* mestilah berdasarkan syarak dan dengan hukum syarak.
  - iii. Hukum yang dinasakhkan mestilah hukum yang berbentuk amali atau fiqh bukan perkara berkaitan akidah.
  - iv. *Al-nasakh* adalah orang yang dibebani dengan hukum.
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. i, ii dan iv
  - D. ii, iii dan iv

**15. (1 point)**

Sebahagian dalil boleh menasakhkan antara satu sama lain, manakala terdapat juga dalil yang tidak boleh menasakhkan yang lebih kuat daripadanya.

Jadual 2

Berdasarkan pernyataan di atas, manakah **BUKAN** bahagian *Nasakh*?

- A. *Nasakh* al-Quran dengan al-Quran.
- B. *Nasakh* al-Quran dengan hadis Nabi SAW.
- C. *Nasakh* hadis Nabi SAW dengan al-Quran.
- D. *Nasakh ijmak* dengan *qiyas*.

**BAHAGIAN C: SOALAN STRUKTUR***Jawab SEMUA soalan.***1. (16 points)**

- a) Jelaskan secara ringkas sunnah Nabi SAW di bawah beserta contoh.

- i. *Sunnah Qawlîyyah.* (3 points)  
ii. *Sunnah Fi'lîyyah.* (3 points)

- b) “*Ijmak* merupakan dalil *qat'i* mengikut sebahagian besar Ulamak”  
Bincangkan secara ringkas bahagian *ijmak* berikut.

- i. *Ijmak Soreh.* (2 points)  
ii. *Ijmak Sukuti* (2 points)

- c) Huraikan secara ringkas perkara-perkara di bawah

- i. *Qiyas al-Awla.* (2 points)  
ii. *Qiyas al-Musawi.* (2 points)  
iii. *Qiyas al-Dilalah.* (2 points)

**2. (15 points)**

- a) Berikan **LIMA (5)** penggunaan lafaz *al-Amru* daripada makna *Majazi*. (5 points)

- b) Nyatakan **LIMA (5)** cara yang tidak sah di dalam mencari harta. (5 points)

- c) Terangkan **LIMA (5)** hikmah *al-Nasakh*. (5 points)

**3. (4 points)**

Terjemahan al-Quran yang bermaksud:

“ Maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik matahatinya”. (Surah al-Hasyr : ayat 2)

Berdasarkan mafhum al-Quran di atas, huraikan **DUA (2)** hukum yang tidak boleh diijtihadkan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**